



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 3/2026

PENGELUARAN KERTAS UNDI POS BAGI PILIHAN RAYA KECIL (PRK) PARLIMEN P.187 KINABATANGAN DAN PRK DEWAN UNDANGAN N.58 LAMAG, SABAH

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah mengeluarkan sebanyak **446 kertas undi pos** kepada individu yang berhak untuk mengundi secara pos dalam **PRK Parlimen P.187 Kinabatangan dan PRK Dewan Undangan N.58 Lamag, Sabah** pada **12 Januari 2026 (Isnin)**. Pengeluaran kertas undi pos ini telah dilakukan oleh Petugas Pilihan Raya yang dilantik oleh Pegawai Pengurus Pilihan Raya dengan kehadiran ejen undi pos daripada calon-calon yang bertanding.
2. Kertas undi pos bagi **PRK Parlimen P.187 Kinabatangan** yang telah dikeluarkan adalah terdiri daripada **203 undi pos Kategori 1A** (Petugas Pilihan Raya, Anggota Polis dan Petugas Media) dan **48 undi pos bagi Kategori 1C** (Agensi dan Organisasi).
3. Manakala kertas undi pos bagi **PRK Dewan Undangan N.58 Lamag** yang telah dikeluarkan adalah terdiri daripada **155 undi pos Kategori 1A** (Petugas Pilihan Raya, Anggota Polis dan Petugas Media), dan **40 undi pos bagi Kategori 1C** (Agensi dan Organisasi).

4. SPR mengingatkan kepada semua pengundi pos supaya membuat penandaan pada kertas undi, mengisi dengan lengkap dan betul borang Perisytiharan Identiti (Borang 2), serta segera mengembalikannya kepada Pegawai Pengurus Pilihan Raya berkenaan **sebelum pukul 5:00 petang** pada Hari Mengundi iaitu pada **24 Januari 2026 (Sabtu)**.

5. Pengundi juga diingatkan agar sentiasa **menjaga kerahsiaan undi** masing-masing dengan tidak merakam gambar kertas undi pos dan menularkannya di laman media sosial.

Sekian, terima kasih.

DATUK KHAIRUL SHAHRIL BIN IDRUS
Setiausaha
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
12 Januari 2026 / 22 *Rejab* 1447H